

Kegunaan baru teknologi perang

Senjata untuk keamanan: PM

BH 21 MAR 1990

Oleh MOHD NOH SENAN

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak mengalihkan tenaga dan penyelidikan di bidang persenjataan untuk perang kepada bidang lain seperti pengawalan penyeludupan, khususnya dadah.

Perdana Menteri berkata, jika senjata dan sistem pengawasan yang canggih dapat disesuaikan bagi tujuan berkenaan, permintaannya akan dapat mengekalkan industri persenjataan.

Beliau memberi contoh Sistem Amaran dan Kawalan Udara (Awacs) yang terbukti mempunyai fungsi penting dalam bidang persenjataan bukan ketenteraan di Amerika Syarikat.

Datuk Seri Mahathir berkata demikian ketika merasmikan Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 90 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini. Pameran empat hari itu disertai oleh lebih 400 syarikat, termasuk Malaysia.

Perdana Menteri juga berkata, bagi Malaysia ia sudah membuat keputusan mengenai jenis senjata yang diperlukannya dan berapa banyak ia mampu berbelanja bagi memperolehi senjata itu.

Bagaimanapun, katanya, keperluan pertahanan Malaysia adalah sederhana berbanding keperluan negara lain.

Menurutnya, bagi negara ini, persediaan di bidang pertahanan perlu bagi menjamin kestabilan untuk pembangunan ekonomi dan sosial.

"Kita bukanlah negara agresif dan kita tidak ada membuat tuntutan ke atas wilayah.

begitu juga wilayah Malaysia bukan untuk jualan kepada sesiapa. Tetapi kita perlu menerima hakikat bahawa laut dan wilayahnya perlu dipertahankan dengan segala kekuatan yang termampu," katanya.

Menurutnya, sejak 1948, peratusan yang wajar daripada belanjawan negara terpaksa ditambah untuk memerangi kegiatan pengganas komunis yang disifatkannya sebagai satu perang yang tidak memerlukan alat persenjataan yang canggih dan mahal kerana keperluan utama ialah kemahiran dalam gerakan antigerila.

"Kini dengan berakhirnya perang gerila itu, kita tidak akan lupa kemahiran yang diperolehi itu. Bagaimanapun, kita menyedari betapa perlunya memiliki kemampuan dalam perang konvensional," katanya merujuk kepada perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya (PKM) menerusi perjanjian damai yang ditandatangani pada 2 Disember tahun lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, Malaysia dan negara anggota Asean akan terus memperjuangkan konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (Zopfan), selain menjadikan rantau ini kawasan bebas daripada nuklear.

Menurutnya, Asia Tenggara mestilah bebas daripada pertelingkahan kuasa besar supaya pembangunan dan kemajuan dapat terus dijalankan.

Mengenai pameran itu, Perdana Menteri berharap ia tidak disalahertikan sebagai sokongan kerajaan terhadap perusahaan senjata atau sebagai langkah ke arah perlumbaan senjata.

"Malaysia tidak berniat menjadi seperti itu, tetapi perusahaan senjata, seperti juga perusahaan lain, sudah menjalani perubahan pesat. Malaysia akan tertinggal jika ia tidak mengikuti perkembangan yang berlaku," katanya.